

SOALAN

SAYA pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan tinggal di kolej kediaman. Masalah saya adalah tidak tahan dengan tingkah laku rakan sebilik dipanggil A yang membuatkan saya tertekan.

Saya takut dipersoalkan di akhirat kelak kerana tidak menegurnya. A pelajar jurusan pengajian Islam dan sekarang mengambil sarjana dalam bidang sama. Saya kesal dengan imej ustazah yang di bawa tidak menggambarkan dirinya sebenar. Mengapa saya berkata demikian? Begini ceritanya.

A ada teman lelaki yang juga bergelar ustaz. Kalau hendak diceritakan ini bukanlah teman lelaki yang baru tapi sudah silih berganti dan ini yang terbaru. Sepanjang pergaulan A dengan teman lelaki, dia tidak menjaga batas pergaulan yang disyariatkan. Malah seperti orang yang tidak belajar agama dan tidak tahu hukum. A sering kali bertemu, berpimpin tangan malah berbual di laman sosial menggunakan rakaman video tanpa memakai

Ustazah silih ganti teman lelaki

Rakan sebilik tertekan imej dibawa bukan gambaran diri sebenar



tudung dan hanya memakai baju tidur.

Kalau dari sudut bercakap dalam telefon sudah banyak kali dia bercakap umpama menjatuhkan maruah dirinya. Saya tidak tahu cara terbaik menegur A kerana tahu sikapnya yang pendendam, malah suka membenci orang dan sanggup memutuskan tali silaturahmi.

Bukan pertama kali tingkah laku A demikian, malah turut berlaku ketika bersama bekas teman lakinya dulu. Kawan-kawan ada menegurnya tetapi ibarat mencurah air ke daun keladi.

A tidak mengaku dirinya bersalah tapi suka menyalahkan orang lain dan seorang yang hipokrit di Khalayak ramai. A juga tidak mempunyai rakan baik dan ada di antara rakan tidak selesa dengan caranya.

Persoalan saya: Bagaimanakah cara sewajarnya menegur A tanpa berlaku sebarang pertelingkahan? Apakah ciri-ciri dari sudut psikologi dan kaunseling mengenai identiti beliau? Apakah pendekatan kaunseling yang sesuai untuk dilakukan dari sudut Islam?

Rakan Prihatin,
Selangor

JAWAPAN

APABILA ciri-ciri yang adik inginkan daripada seorang ustazah tidak dapat dilahirkan rakan sebilik, pemikiran dan tingkah laku adik terganggu. Apa yang berlaku, A bertingkah laku mengikut keinginan dirinya yang sebenar, bukan seperti yang sepatutnya. Sebagai pelajar bidang pengajian Islam, tentunya adik berkeinginan A untuk memenuhi ciri seorang pelajar perempuan Islam yang unggul. Ciri itu adalah berpegang dengan segala yang ditentukan Islam iaitu hendaklah menjaga sifat kewanitaannya dan berpegang teguh dengan adab Islam. Menjauhi segala yang dilarang dan hendaklah menjaga diri daripada perkara yang menimbulkan keraguan dalam pergaulan. (<http://haluansiswa.haluan.org.my>)

Sikap A sebagai seorang pendendam yang tegar, malah

suka membenci orang dan sanggup memutuskan tali silaturahmi bukanlah alasan adik tidak melakukan sesuatu untuk membantunya. Sahabat yang beriman ibarat mentari yang menyinar dan sahabat sejati umpama pohon rendang tempat kita berteduh. Hingga kini, adik belum mengambil tindakan yang konkrit untuk membantu rakan sebilik. Adik hanya berasa takut dipersoalkan di akhirat kelak kerana tidak menegur A. Jika adik benar-benar ingin membantu, inilah masa dan ruang terbaik. Antara pendekatan yang boleh adik ambil adalah melalui proses WDEP yang boleh dilakukan secara berhikmah. WDEP terdiri daripada W (Wants), D (Doing), E (Evaluate) dan P (Planning). Melalui kaedah ini, A dapat dibantu dan dapat melakukan perubahan dalam mengubah identiti dirinya ke arah yang lebih positif.

Adik perlu bertanya perkara sebenarnya adik inginkan (wants) daripada kawan adik itu. Contohnya, adik inginkan A benar-benar bertingkah laku memenuhi ciri-ciri seorang ustazah. Secara lebih jelas, adik tidak mahu dia terbabit dengan perkara yang boleh menghasilkan maksiat seperti keluar berdua-duaan dengan teman lakinya.

Apabila adik mengetahui keinginan itu, langkah seterusnya adalah dengan mengambil tindakan (doing) yang sewajarnya. Adik boleh bertindak dengan memberitahu secara berhikmah melalui teknik yang betul mengenai kehendak atau keinginan adik itu. Seterusnya, adik boleh menilai (evaluate) sama ada tindakan itu berkesan atau tidak. Seterusnya buat perancangan (planning). Perancangan adik perlulah boleh diukur, mudah dan membabitkan A.

Menjawab beberapa soalan adik iaitu bagaimanakah cara sewajarnya untuk menegur A tanpa berlaku sebarang pertelingkahan? Adik boleh menegur A dengan mengatakan teguran adik adalah kerana sifat

sayang sebagai seorang rakan. Jelaskan juga teguran tidak bermaksud untuk merosakkan dirinya, tetapi sebaliknya. Teguran perlu berhemah dan lemah lembut.

Soalan kedua adalah mengenai ciri-ciri sudut psikologi dan kaunseling mengenai identiti A.

Dr tidak dapat kenal pasti dengan jelas kerana Dr perlu mengenali diri A melalui temubual, pengamatan dan melalui ujian tertentu.

Penerokaan yang lebih mendalam terhadap dirinya perlu dilakukan.

Bagaimanapun, Dr hanya boleh mengandaikan apa yang berlaku adalah, A bertingkah laku mengikut keinginan dirinya yang sebenar, bukan seperti sepatutnya.

Soalan seterusnya, apakah pendekatan kaunseling yang sesuai untuk dilakukan dari sudut Islam? Badlihisam Mohd Nasir, dalam Dinamisme Gerakan Islam Dan Cabaran Semasa (2008) menjelaskan secara tradisi, dakwah dan kaunseling sudah diamalkan secara individu oleh khalifah Islam yang bersifat terbuka kepada teguran dan nasihat Rasulullah s.a.w sendiri menegaskan Islam adalah agama nasihat (al-Din al-Nasihah).

Islam juga terlebih dulu dan secara lebih terperinci mendalami kelakuan serta sifat manusia sama ada zahir dan batin bagi menyediakan asas yang kukuh bagi pendekatan nasihat atau kaunseling itu sendiri.

Secara lebih khusus, Islam mewajibkan pelaksanaan dakwah yang menyeru manusia kepada kebaikan dan mencegah mereka daripada perbuatan yang mungkar.

Hakikat ini berdasarkan firman Allah bermaksud: "Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat yang baik, dan berdebatlah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang baik." (al-Nahl: 125).

Semoga kita termasuk dalam kalangan orang-orang yang mendapat hidayah.